



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TAHAP PENGLIBATAN PEKERJA-PEKERJA KILANG
DALAM PROGRAM RAKAN MUDA SEKTOR INDUSTRI**

ANUAR BIN HAJI AHMAD

FPP 2001 16

**TAHAP PENGLIBATAN PEKERJA-PEKERJA KILANG
DALAM PROGRAM RAKAN MUDA SEKTOR INDUSTRI**

ANUAR BIN HAJI AHMAD

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2001



**TAHAP PENGLIBATAN PEKERJA-PEKERJA KILANG
DALAM PROGRAM RAKAN MUDA SEKTOR INDUSTRI**

Oleh

ANUAR BIN HAJI AHMAD

**Kertas projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
keperluan ijazah Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia)
di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Mei 2001



Dedikasi buat:

*Isteri tercinta yang telah berkorban dan merestui perjalanan
ini
Nur Rashidiah Halim*

*Putri-putri tersayang
Nur Suzaini
Nur Suhada
Nur Syafiqah
Nur Syahira*

*Ibu dan ayah yang sentiasa mendoakan kejayaan anakmu ini
Hjh Sharifah Jabar
Hj. Ahmad Hj. Sidik*

Jasa dan pengorbananmu tetap disanjung dan dikenang

Abstrak Kertas Projek yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Master Sains.

ABSTRAK

TAHAP PENGLIBATAN PEKERJA-PEKERJA KILANG DALAM PROGRAM RAKAN MUDA SEKTOR INDUSTRI

Oleh

ANUAR BIN HAJI AHMAD

April 2001

Penyelia : Prof. Madya Dr. Hj. Turiman b. Suandi

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini dijalankan bagi menentukan tahap penglibatan pekerja-pekerja kilang dalam Program Rakan Muda sektor industri di Kawasan Perindustrian Sungai Way. Objektif khusus kajian ini ialah 1) menentukan tahap penglibatan pekerja-pekerja kilang dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian terhadap aktiviti Program Rakan Muda yang disertai 2) mengenalpasti tahap faktor pengetahuan pekerja-pekerja kilang terhadap pendedahan kepada sumber maklumat dan penyampaian maklumat oleh agensi pelaksana 3) mengenalpasti tahap faktor tanggapan pekerja-pekerja kilang terhadap konsep pembangunan, matlamat dan strategi dan faedah terhadap penglibatan mereka dalam Program Rakan Muda 4) mengenalpasti tahap faktor sikap pekerja-pekerja kilang terhadap agensi pelaksana dan (5) menentukan hubungan antara tahap penglibatan pekerja-pekerja kilang sebagai angkuh bersandar dengan beberapa angkuh tak bersandar iaitu faktor demografi, faktor pengetahuan, tanggapan serta sikap

terhadap Program Rakan Muda. Kaedah kajian ialah melalui temubual dengan menggunakan borang soal selidik yang telah diuji. Seramai 135 responden telah dipilih secara rawak mudah bagi mendapatkan hasil kajian ini. Data dianalisis dengan komputer menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS).

Kajian ini mendapati tahap penglibatan pekerja-pekerja kilang dalam Program Rakan Muda sektor industri 73.3% berada di peringkat rendah. Faktor lain yang berada di tahap rendah ialah faktor pengetahuan sebanyak 100%, faktor tanggapan sebanyak 59.3% dan faktor sikap sebanyak 51.1 %. Penemuan kajian ini juga menunjukkan faktor penglibatan sebagai angkubah bersandar mempunyai hubungan korelasi yang signifikan dengan faktor-faktor angkubah tak bersandar iaitu faktor demografi umur, faktor pengetahuan, faktor tanggapan dan faktor sikap pada aras signifikan 0.05. Hubungan antara faktor demografi umur dengan faktor penglibatan adalah positif tetapi rendah dengan nilai $r=0.26$. Sementara itu hubungan antara faktor pengetahuan dan faktor tanggapan adalah positif dan tinggi dengan masing-masing mempunyai nilai $r=0.79$. Bagi faktor sikap dengan faktor penglibatan pula adalah didapati positif dan sederhana dengan nilai $r=0.57$.

Sebagai agensi pelaksana Kementerian Belia dan Sukan Malaysia perlu meningkatkan tahap pengetahuan, tanggapan serta sikap pekerja-pekerja dalam Program Rakan Muda sektor industri. Ia bukan sahaja dapat mengelakkan pembaziran peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan bagi membiayai aktiviti-aktiviti program malah bagi melahirkan generasi belia yang berwawasan.

Abstract of research project submitted to Department of Professional Development and Continuing Education, Faculty of Educational Studies, University Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science (Human Resource Development)

ABSTRACT

THE FACTORY WORKERS' LEVEL OF PARTICIPATION IN THE RAKAN MUDA PROGRAMME IN THE INDUSTRIAL SECTOR

By

ANUAR BIN HAJI AHMAD

April 2001

Supervisor : Assoc. Prof. Dr. Hj. Turiman b. Suandi

Faculty : Educational Studies

This research is conducted in order to determine the level of participation by the factory workers in the Rakan Muda Programme, specifically those from the Sungai Way Industrial Area. The objectives of this research are 1) To determine the level of participation by the Factory Workers in the planning, implementation and evaluation towards the Rakan Muda activities they participated in 2) to identify the factory workers' knowledge factor towards being exposed to information technology and information deliverance by the implementation agency 3) to identify the factory workers perception factor towards the development concept, aims, strategies and rewards for the participation in the Rakan Muda Programme 4) to identify the factory workers' attitude towards the implementation agency and, 5) to identify the relationship between the level of workers participation factor as the fixed entity with several non-fixed entities such as the demography, knowledge, perception and attitude towards the Rakan Muda Programme. The method of research is through interviews by using a research

questionnaire that was tested. A total 135 respondents was picked randomly to be interviewed and answer questionnaires for this research. The data was analyzed by using SPSS.

This research revealed that the participation of the factor workers in the Rakan Muda Program from the Industrial Sector is in the low level with 73.3 %. Others factors that were considered low are the Education Factor –100%, Perception Factor-59.3% and Attitude Factor-51.1%. These findings had also shown us that the participation factor as the fixed entity has a correlation with the un-fixed entities such as demography, age, education, perception that was at a significant 0.05. The relationship between the demographic factor and the age factor is positive but low with a value of $r=0.26$. However, the relationship between the education factor and the perception factor is positive and high, with each of them has a value of $r=0.79$. Where else the relationship between the attitude factor and the participation factor is also positive but with a fair value of $r=0.57$.

The Ministry of Youth and Sports as the implementation agency should improve the Industrial workers' level of knowledge, perception and attitude in the Rakan Muda Programme. This may help utilizing the allocation provided by the government to fund the programme activities with wastages and to produce a generation of youth with a vision for the future.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Alhamdulillah saya merapatkan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya kajian ini dapat disempurnakan.

Di ruangan ini saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Hj. Turiman b. Suandi selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, sokongan dan keyakinan diri kepada saya dalam menyempurnakan penulisan kertas projek ini. Juga tidak ketinggalan kepada Dr. Shamsudin b. Ahmad selaku pemeriksa yang telah melengkapkan lagi kemantapan hasil kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah mencurahkan kepakaran mereka sepanjang saya mengikuti program pengajian ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia terutama En. Mohd. Sharil b. Abdullah dan En. Bakar b. Idris yang telah memberi kerjasama kepada saya dalam mendapatkan bahan penulisan dan juga responden kajian.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Putra Malaysia yang telah memberi saya peluang untuk mengikuti program Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia) ini khasnya kepada Pendaftar dan semua staf Jabatan Sumber Manusia.

Tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan seperjuangan terdekat Ismail Samad, Muhd. Sharil Bakri, Mohd. Sopian Mohd. Zin dan Nik Hasnaa Nik Mahmud dan juga kepada Nurul Azura Hashim dan Roshamimah Hj. Zainal dan semua pihak yang terlibat dalam perjalanan ini.

Kepada emak dan abah Hjh. Sharifah Jabar dan Hj. Ahmad Hj. Sidik yang turut mendoakan agar anakmu ini berjaya dikurniakan segulung ijazah lagi.

Akhir sekali kepada isteri tercinta Nur Rashidiah Halim serta putri-putri tersayang, Nur Suzaini, Nur Suhada, Nur Syafiqah dan Nur Syahira yang telah sama-sama berkorban dalam membantu diri ini meniti kejayaan.

Semoga diberkati dan dirahmati Allah segala usaha ikhlas dan murni. ini.
Amin...

Kertas projek bertajuk "Tahap Penglibatan Pekerja-pekerja Kilang Dalam Program Rakan Muda Sektor Industri" yang disediakan oleh Anuar bin Haji Ahmad memenuhi sebahagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Masters Sains (Pembangunan Sumber Manusia) di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.



.....
HJ. TUKIMAN BIN SUANDI Ph.D.

Prof. Madya

Timbalan Dekan/Pensyarah

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Penyelia)

Tarikh: 26/5/01



.....
SHAMSUDIN BIN AHMAD Ph.D.

Pensyarah

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan


Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa)

Tarikh: 26/5/01

Kertas Projek ini telah dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia dan diterima bagi memenuhi sebahagian syarat Ijazah
Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia)



.....
OTHMAN BIN DATO' HJ. MOHAMED, Ph.D.
Prof. Madya
Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah)
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26/8/2007

PERAKUAN

Saya mengakui dan mengesahkan bahawa bahan ilmiah ini ialah hasil karya dan usaha saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang telah saya ambil dari sumber tertentu yang telah dijelaskan



.....
ANUAR BIN HAJI AHMAD
GSO4468

Tarikh: 26/05/2001

KANDUNGAN

PERKARA

MUKASURAT

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
KELULUSAN	viii
PERAKUAN	x
KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xix

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Pengenalan	1
	Program Rakan Muda Sektor Industri	3
	Objektif	4
	Strategi Pelaksanaan	4
	Kumpulan Sasaran	5
	Jenis Aktiviti	5
	Latar Belakang Masalah	7
	Penyataan Masalah	8
	Persoalan Kajian	10
	Objektif Kajian	12
	Objektif Khusus	13
	Kepentingan Kajian	13
	Batasan Kajian	14
	Definisi istilah	15

II	SOROTAN LITERATUR	18
	Teori Penglibatan	18
	Teori McClelland	18
	Teori Psikologi Pergerakan Masyarakat	19
	Teori Mobilisasi Sumber	20
	Teori Motivasi Maslow	21
	Pengertian Konsep Penglibatan	22
	Kepentingan Penglibatan dalam Kontek Pelaksanaan Program	25
	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penglibatan	27
	Faktor Demografi	28
	Faktor Pengetahuan	29
	Faktor Tanggapan	30
	Faktor Sikap	32
III	METODOLOGI KAJIAN	35
	Reka Bentuk Kajian	35
	Kerangka Konseptual Kajian	36
	Populasi	40
	Persampelan	40
	Peralatan Kajian dan Pengukuran Data	41
	Kaedah Pengukuran Angkubah	42
	Angkubah Bersandar	42
	Angkubah Tak Bersandar	46
	Validiti dan Reliabiliti	51
	Analisis Data	52
IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	55
	Latar Belakang Responden	55
	Umur dan Jawatan	55

Jantina	57
Status Perkahwinan	57
Taraf Pendidikan	58
Tahap Penglibatan Responden terhadap Program Rakan Muda	59
Bilangan dan Kekerapan Penyertaan	59
Kehadiran di Perbincangan Pelaksanaan Program Rakan Muda	60
Penglibatan dalam Perancangan Program Rakan Muda	61
Penglibatan dalam Aktiviti Serta Faedah yang diperolehi	64
Penglibatan dalam Penilaian Aktiviti Program Rakan Muda	66
Kekerapan Membuat Penilaian Terhadap Aktiviti Program Rakan Muda	67
Tahap Penglibatan Responden	69
Faktor Pengetahuan	70
Pendedahan Responden kepada Sumber Maklumat - Lagu Program Rakan Muda	70
Kekerapan Mendapat Maklumat Mengenai Program Rakan Muda	71
Kekerapan Menonton dan Membaca Media Cetak dan Elektronik	72
Tahap Pengetahuan Responden Mengenai Program Rakan Muda Melalui Sumber Media Cetak dan Elektronik	73
Usaha Penyediaan bagi Penyampaian Maklumat	74
Kekerapan Usaha Penyampaian Maklumat oleh Agensi Pelaksana	75
Usaha yang Membantu Agensi dalam Penyampaian Maklumat	76
Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Program Rakan Muda	77
Faktor Tanggapan	78
Kefahaman Responden Terhadap Konsep Pembangunan Program Rakan Muda	78

Tanggapan Responden Terhadap Matlamat dan Strategi Pelaksanaan Program Rakan Muda	81
Tahap Tanggapan Responden Terhadap Matlamat dan Strategi Pelaksanaan Program Rakan Muda	82
Tanggapan Responden Terhadap Kaedah Penglibatan Dalam Program Rakan Muda	83
Tahap Tanggapan Responden Terhadap Faedah Penglibatan dalam Program Rakan Muda	85
Tahap Keseluruhan Responden Terhadap Tanggapan Program Rakan Muda	86
Faktor Sikap Responden Terhadap Pegawai Pelaksana	87
Tahap Sikap Responden Terhadap Pegawai Pelaksana	88
Analisis Hubungan Korelasi antara Faktor Penglibatan Responden dengan Umur, Faktor Pengetahuan, Faktor Tanggapan dan Faktor Sikap	89
Analisis Skor Min dan ANOVA Sehalu Perbandingan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Umur	91
Analisis LSD Perbandingan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Umur	92
Analisis Skor Min dan ANOVA Sehalu Perbandingan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Status Perkahwinan	93
Analisis LSD Perbandingan Tahap Penglibatan Mengikut Status Perkahwinan	94
Analisis Skor Min dan ANOVA Sehalu Perbandingan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	96
Analisis LSD Perbandingan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	97
Analisis Skor Min dan ANOVA Sehalu Perbandingan Tahap Perbandingan Responden Mengikut Jawatan Sekarang	98
Analisis LSD Perbandingan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Jawatan Sekarang	100
Ujian-t Perbandingan Tahap penglibatan Mengikut Jantina	101

V	RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	103
	Ringkasan Kajian	103
	Hasil Kajian	105
	Tahap Penglibatan Responden Terhadap Program Rakan Muda	105
	Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Program Rakan Muda	106
	Tanggapan Responden Terhadap Program Rakan Muda	107
	Tahap Sikap Responden Terhadap Pegawai Pelaksana	108
	Hubungan antara Angkubah Bersandar dengan Angkubah Tak Bersandar	108
	Kesimpulan dan Implikasi	109
	Tahap Penglibatan	109
	Faktor Pengetahuan	110
	Faktor Tanggapan	112
	Faktor Sikap Terhadap Pegawai Pelaksana	113
	Hubungan antara Angkubah Bersandar dengan Angkubah Tak Bersandar	114
	Cadangan Kajian Masa Hadapan	115
	BIBLIOGRAFI	117
	LAMPIRAN	121
	A Instrumentasi Kajian	121

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. Peruntukan Kementerian Belia dan Sukan Tahun 1999	7
2. Peruntukan Program Rakan Muda Tahun 1994-2000	8
3. Projek-projek Program Rakan Muda Tahun 1999	8
4. Peruntukan Program Rakan Muda Tahun 2000	9
5. Nilai Alpha Koefisien bagi Angkubah Kajian yang Diuji	52
6. Taburan Peruntukan Responden Mengikut Jawatan dan Tahap Umur	56
7. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	57
8. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Status Perkahwinan	58
9. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	59
10. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Ke kerap an Menyertai Program Rakan Muda	60
11. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Pernah Hadir Perjumpaan Formal dan Tidak Formal	61
12. Taburan Peratusan dan Min Responden Mengikut Bidang Perancangan-Ke kerap an Hadir dan Ke kerap an menyumbang	63
13. Taburan Peratusan dan Min Responden Mengikut Penglibatan dalam Aktiviti dan Faedah Penyertaan	65
14. Taburan Peratusan Responden Mengikut Pernah Membuat Penilaian dan Ke kerap an Membuat Laporan Tentang Masalah	67
15. Min Taburan Peratusan Responden Mengikut Ke kerap an Membuat Penilaian bagi Aktiviti Program Rakan Muda	68
16. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Penglibatan	69
17. Taburan Peratusan Responden Mengikut Pernah Mendengar Lagu Program Rakan Muda	70

18. Min Kecepatan Mendapat Penerangan Program Rakan Muda	71
19. Min Kecepatan Menonton dan Membaca Media Cetak dan Elektronik	73
20. Min Tahap Pengetahuan Mengenai Program Rakan Muda Menerusi Sumber Media Cetak dan Elektronik	74
21. Taburan Peratusan Responden Mengikut Usaha Penyampaian Maklumat oleh Agensi Pelaksana	75
22. Min Kecepatan Usaha Penyampaian Maklumat oleh Agensi Pelaksana	76
23. Min Usaha Penyampaian Maklumat oleh Agensi Pelaksana	77
24. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Pengetahuan	78
25. Min Kefahaman Terhadap Konsep Pembangunan Program Rakan Muda	79
26. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Kefahaman	80
27. Min Tanggapan Responden Terhadap Matlamat dan Strategi Pelaksanaan Program Rakan Muda	81
28. Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Tahap Tanggapan Terhadap Matlamat dan Strategi Program Rakan Muda	83
29. Min Tanggapan Responden Terhadap Faedah Penglibatan dalam Program Rakan Muda	84
30. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Tanggapan Terhadap Faedah Program Rakan Muda	85
31. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Tanggapan Keseluruhan	87
32. Min Sikap Responden Terhadap Pegawai Agensi Pelaksana	88
33. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Tahap Sikap Terhadap Agensi Pelaksana	89
34. Analisis Hubungan Korelasi antara Faktor Penglibatan Responden dengan Umur, Faktor Pengetahuan, Faktor Tanggapan dan Faktor Sikap	91
35. Analisis Skor Min dan ANOVA Sehalu Perbandingan dengan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Umur	92

36. Analisis LSD Perbandingan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Umur	93
37. Analisis Skor Min dan ANOVA Sehal Perbandingan Tahap penglibatan Responden Mengikut Status Perkahwinan	94
38. Analisis LSD Perbandingan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Status Perkahwinan	95
39. Analisis Skor Min dan ANOVA Sehal Perbandingan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	96
40. Analisis LSD Perbandingan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	98
41. Analisis Skor Min dan ANOVA Sehal Perbandingan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Jawatan Sekarang	99
42. Analisis LSD Perbandingan Tahap Penglibatan Responden Mengikut Jawatan Sekarang	101
43. Analisis Ujian-t Perbandingan Tahap Penglibatan Mengikut Jantina	102

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1. Kerangka Konseptual Kajian	39

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Program Rakan Muda telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 29hb. Oktober 1994. Program ini adalah suatu program bagi membangunkan generasi muda secara terancang ke arah menzahirkan potensi tertinggi mereka dalam bidang sosial dan ekonomi, sebagai usaha mengisi matlamat wawasan 2020 negara. Ia merupakan sebuah program Pembangunan Sosial khusus untuk generasi muda yang menggabungkan aktiviti Pembangunan Minda, Kecergasan Fizikal dan Pembangunan Rohani secara bersepadu, bagi melahirkan warga dewasa yang bertanggungjawab, bebas dari pengaruh dan perlakuan negatif serta budaya menyumbang secara produktif kepada negara. Program ini menarik minat generasi muda kerana pendekatannya diasaskan kepada sembilan (9) Gaya Hidup dan satu (1) Gerakan Perkaderan yang digubal bagi memenuhi citarasa golongan muda. Pendekatan pelaksanaan pula dibentuk bagi membolehkan semua pihak mengambil bahagian dalam menjayakan program ini.

Pada tahun 1995 hampir 1.5 juta orang belia telah mendaftar untuk menyertai aktiviti dan dari jumlah itu, 1.39 juta orang telah berpeluang mengikutinya melalui 14,800 aktiviti yang dilaksanakan seluruh negara. Sejumlah

63 badan bukan kerajaan (NGO) peringkat kebangsaan serta 610 buah NGO peringkat negeri dan daerah telah terlibat melaksanakan program. Jumlah ini telah meningkat menjadi 2.94 juta pada 1999 dan 3.3 juta pada 2000 dengan 36,000 aktiviti yang telah dirancang.

Semenjak dilancarkan Program Rakan Muda telah melalui 4 fasa iaitu fasa pembangunan, fasa pengenalan, fasa pemantapan dan fasa pengembangan. Fasa Pembangunan yang berakhir pada 31hb. Disember 1995 merupakan fasa perisian program dengan lebih menjurus kepada kandungan program serta sistem pelaksanaan yang lebih berkesan dengan menfokuskan tumpuan kepada masalah sosial remaja. Fasa kedua iaitu Fasa Pengenalan yang berakhir pada 31hb. Disember 1996. Di bawah fasa ini ia menampilkan satu kesedaran dan minat generasi muda mengenai peluang menyertai aktiviti yang ditawarkan di bawah pelbagai gaya hidup. Fasa Pemantapan pula yang telah dilaksanakan bermula Januari 1997 dan berakhir pada 31hb. Disember 2000. Di bawah fasa ini pelaksanaan program disusun semula di mana pelaksanaannya difokuskan mengikut sektor bagi meningkatkan liputan pelaksanaan dan keberkesanan pembudayaan gaya hidup di samping memberi penglibatan yang lebih luas kepada Program Rakan Muda.

Sementara itu Fasa Pengembangan pula telah pun dimulakan pada 1hb. Januari 2001 hingga 31hb. Disember 2005. Bagi tempoh tersebut Program Rakan Muda dijangka akan dikembangkan sehingga menjadi satu institusi sosial dengan memperlengkapkan kemudahan infrastruktur Rakan Muda di seluruh negara

dengan pelaksanaan program sepenuhnya oleh masyarakat dengan penyesuaian mengikut keperluan semasa dengan mamperkenalkan aktiviti-aktiviti baru yang bersesuaian dengan kehendak generasi muda di samping mengwujudkan Program Rakan Muda Antarabangsa.

Program Rakan Muda Sektor Industri

Program Rakan Muda Sektor Industri mula diperkenalkan pada tahun 1997 bersama-sama dengan sektor lain iaitu sektor Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Agensi Awam, Pusat Membeli Belah, Swasta, Perumahan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Sektor Kemajuan Tanah. Aktiviti Program Rakan Muda yang dilaksanakan dengan pelbagai sektor adalah berkonsepkan "Perkongasian Bijak" ini adalah untuk memberi peluang kepada generasi muda di pelbagai sektor sehingga ke akar umbi bagi menyertai Program Rakan Muda melalui Sembilan Gaya Hidup yang ditawarkan.

Program Rakan Muda sektor industri yang diperkenalkan di bawah Fasa III iaitu **Fasa Pementapan 1997-2000** merupakan program yang telah disusun semula pendekatannya. Dalam fasa ini ia difokuskan bagi meningkatkan liputan pelaksanaan program dan keberkesanan pembudayaan Gaya Hidup. Di samping itu ia memberi peluang penglibatan yang lebih luas kepada masyarakat dan juga penglibatan sektor swasta yang akan mempertingkatkan sokongan masyarakat kepada Program Rakan Muda. Sektor Industri juga adalah satu sektor yang mempunyai premis, persekitaran dan keperluan yang sesuai untuk pelaksanaan